

FAKTA NOMBOR

150 spesies

lebah kelulut di dunia

B/H 19/12/12 MSG

33 spesies

lebah kelulut terdapat di Malaysia




200 gram


madu boleh dihasilkan bagi setiap sarang dalam masa sebulan


15 mililiter

madu boleh dihasilkan dalam satu kantung (sarang)




☑ Lebah kelulut biasanya terdapat di hutan dan bersarang pada batang kayu yang ditebang
☑ Kepelbagaian kelulut boleh dilihat menerusi bentuk sarang.





Menyingkap khasiat madu lebah kelulut

- ☒ Kelulut adalah sejenis serangga, mirip lebah bersengat.
- ☒ Kelulut bersaiz antara tiga hingga lapan milimeter
- ☒ Kelulut dari keluarga Apidae iaitu sejenis lebah yang menghasilkan manisan dan tidak menyengat.



RM30 harga

bagi setiap 300 gram madu kelulut yang sudah diproses

» Nilai perubatan dipercayai dua kali ganda berbanding lebah biasa

Oleh **Khairul Anuar Abdul Samad dan Nur Farhanin Abdullah**
bhnews@bharian.com.my

► Kota Bharu

Sejak berzaman lagi, madu sudah terkenal sebagai bahan untuk penjagaan kesihatan dan ia disyorkan sebagai makanan tambahan berdasarkan khasiatnya yang tidak ternilai. Malah ia dianggap sebagai

ibu segala makanan, minuman dan ubatan.

Di Malaysia, ramai tidak tahu bahawa selain madu dari spesies lebah Apis (lebah tualang), madu yang dihasilkan dari lebah spesies *Trigona* iaitu lebah kelulut adalah lebih berkhasiat.

Presiden Persatuan Penternak, Penyelidik dan Pemasaran Hasilan Lebah (PERLEBAH) Negeri Kelantan, Razip Ibrahim, berkata berbanding madu lebah spesies Apis, nilai perubatan lebah kelulut adalah lebih tinggi.

Khasiat tinggi

"Kajian sedang dijalankan Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan mengenai khasiat madu kelulut ini, namun secara tradisionalnya ia didakwa dua kali ganda lebih berkhasiat berbanding madu lebah biasa.

"Seperti khasiat madu lebah

“*Seperti khasiat madu lebah biasa, madu kelulut ini juga mampu meningkatkan metabolisme badan, selain merawat pelbagai penyakit dalaman serta kecederaan luaran*”

Razip Ibrahim,
Presiden Persatuan Penternak, Penyelidik dan Pemasaran Hasilan Lebah (PERLEBAH) Kelantan

biasa, madu kelulut ini juga mampu meningkatkan metabolisme badan, selain merawat pelbagai penyakit dalaman serta kecederaan luaran," katanya ketika ditemui di ladang ternakan ke-





lulut di Kampung Petani, Sering, Kelantan, baru-baru ini.

Kelulut adalah sejenis serangga, mirip lebah bersengat dengan ukuran antara tiga hingga lapan milimeter dari keluarga Apidae



⊗ **Madu, propolis dan bee bread (roti lebah)** iaitu campuran antara pollen dengan madu, air liur dan cairan dari perut lebah, yang sudah matang terdapat dalam kantung
 ⊗ **Rasanya agak masam** dan mempunyai khasiat kesihatan
 ⊗ Madu kelulut berbeza dari madu lebah biasa kerana **warnanya lebih cerah**
 ⊗ Madu kelulut **tidak mudah berbuih** kerana kandungan propolisnya bersifat antifermentasi semula jadi.



⊗ Kantung lebah kelulut yang mengandungi madu yang sudah matang **disedut menggunakan pam kecil** yang direka khas bagi memudahkan kerja mengambil madu tanpa merosakkan bee bread dan propolisnya.



⊗ **Bunga rumput yang kecil** sering menjadi perhatian lebah kelulut untuk mengambil manisannya
 ⊗ Selain menghasilkan madu, kelulut memainkan peranan sebagai **agen pendebungaan** yang penting, terutama pokok hutan.
 ⊗ **Saiznya yang kecil** membolehkannya melakukan proses pendebungaan pada bunga kecil yang tidak dapat dilakukan oleh lebah.



Rahimin dan isteri, Siti Hajar bersama bayi mereka, Aisyah Zhatira **hasil daripada amalan memakan madu lebah kelulut** ketika ditemui di kediaman mereka Kampung Sedar, Tumpat.

B/H 19/12/12 MS7

Madu kelulut penawar dapat zuriat, angin ahmar

Kota Bharu: Hasrat sepasang suami isteri mendapatkan cahaya mata selepas empat tahun mendirikan rumah tangga tercapai selepas mendakwa mengambil madu kelulut.

Pasangan Rahimin Yaakub, 31 dan isteri, Siti Hajar Kamal, 31, dikurniakan bayi perempuan selepas lima bulan mengamalkan pengambilan madu, bee bread dan propolis kelulut.

Sebelum itu, pasangan berkenaan disahkan oleh doktor pakar tidak mempunyai peluang mendapatkan anak, sekali gus mematahkan semangat mereka untuk meneruskan hasrat mencari penawar mendapatkan zuriat.

positif, selain kolestrol dalam ba dan menurun.

Sementara itu, pesakit angin ahmar, Abdul Rahim Abdullah, 58, juga adalah antara pengamal madu kelulut, bee bread dan propolis yang akhirnya membantunya untuk sembuh daripada penyakit yang dihidapinya.

Jimat kos perubatan

"Amalan memakan madu kelulut membantu menyembuhkan penyakit strok yang saya alami selama dua tahun secara perlahan-lahan, akibat koma selama tiga bulan disebabkan penyakit kencing manis dan darah tinggi.

"Namun selepas empat bulan mengamalkannya, saya mampu



Razip (dua dari kiri) menunjukkan sarang dan kaedah mengambil madu kelulut.

[FOTO SYAMSI SUHAIMI/BH]

iaitu sejenis lebah yang menghasilkan manisan dan lebih dikenali dengan 'stingless bee' iaitu lebah tidak menyengat.

Mengikut satu kajian, ada kira-kira 150 jenis lebah kelulut di

dunia dengan Indonesia mempunyai 37 spesies, Thailand (20), Myanmar (sembilan), Vietnam (lapan), India (tiga) dan Taiwan (satu), manakala Malaysia 33 spesies.

Atasi masalah pencernaan

Kelulut menghasilkan madu, propolis dan bee bread (roti lebah) iaitu campuran antara pollen dengan madu, air liur dan cairan dari perut lebah, yang berkhasiat mengatasi masalah pencernaan dan fermentasi.

Madu kelulut berbeza dari madu lebah biasa kerana rasanya sedikit masam dan warnanya lebih cerah dan menurut satu kajian, madu kelulut tidak mudah berbuih kerana kandungan propolisnya bersifat anti fermentasi semula jadi.

Razip berkata, permintaan terhadap madu kelulut kini semakin meningkat, namun pengusaha gagal memenuhi permintaan disebabkan pengeluarannya amat rendah kerana lebah jenis itu hanya mampu menghasilkan 200 gram sebulan untuk setiap rumah atau sarang, bergantung kepada spesies dan musim.

Sudah berputus asa

Rahimin yang bekerja sebagai pegawai perikanan di Jabatan Perikanan Kelantan, berkata beliau sebelum ini sudah berputus asa selepas mendengar kenyataan pakar perubatan.

"Pakar perubatan mengesyorkan kami mencuba kaedah tabung uji yang hanya ada di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur membabitkan kos RM20,000.

"Namun selepas itu, rakan saya mencadangkan supaya saya mengamalkan makan bee bread, propolis dan madu kelulut. Selepas lima bulan kami mengamalkannya, isteri saya mengandung," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Sedar, Tumpat di sini.

Bayi perempuan seberat 3.7 kilogram (kg) itu dilahirkan pada 6 Disember lalu dan diberi nama Aisyah Zhafira.

Rahimin yang juga penghidap penyakit buah pinggang mengakui dengan mengamalkan pemakanan madu itu, penyakitnya semakin pulih apabila tahap hemoglobinnya

bergerak, selain dapat menjimatkan kos perubatan yang mencecah ribuan ringgit, berbanding RM100 sebulan untuk membeli madu itu," kata bapa kepada 10 anak itu.

**“
Amalan memakan
madu kelulut
membantu
menyembuhkan
penyakit strok yang
saya alami selama
dua tahun secara
perlahan-lahan,
akibat koma selama
tiga bulan disebabkan
penyakit kencing manis
dan darah tinggi”**

Abdul Rahim Abdullah,
Pesakit angin ahmar